

Name: Nor Izhar Bin Nordin

Matric Number: 1180170

Ikan Laga Untuk Tetamu Majlis Kahwin

Oleh: Nor Izhar Bin Nordin

Johor: Majlis perkahwinan menjadi viral apabila cenderahati yang diberikan oleh pengantin kepada tetamu ialah ikan laga.

Sebanyak 300 ekor ikan laga yang bernilai RM 4500 telah ditaja oleh bapa pengantin perempuan untuk dijadikan cenderahati kepada tetamu pada majlis yang dilangsungkan di Senibong pada 6 November 2020 yang lalu.

Majlis perkahwinan ini mempunyai tontonan lebih dari 1 juta tontonan di FaceBook setelah dikongsi oleh tetamu yang hadir.



Tampak jelas kegembiraan di wajah kedua-dua pasangan suami isteri di majlis perkahwinan kelmarin.

Pasangan pengantin, Abdul Rahman A Malek, 23, dan isteri, Intan Nur Asfarina Md Safri, 21, berkata, mereka tidak menyangka yang majlis ini akan menjadi viral kerana hanya dijalankan secara kecil-kecilan sahaja.

Mereka berkata, meskipun majlis sudah berakhir, masih ada lagi orang yang mengenal mereka sewaktu mereka berada di tempat awam.

Salah seorang tetamu mereka yang hadir turut berasa terharu dan bangga kerana dapat menjadi sebahagian dari majlis itu.

Pasangan pengantin turut berasa kesal kerana tidak dapat untuk menjemput ramai orang untuk hadir disebabkan kekangan prosedur operasi standard (SOP).